



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8/12/2018

Bangsa maju jika tolak rasuah

um- 8/12/2018 m/d: 3

PUTRAJAYA 7 Dis. - Rakyat Malaysia hanya boleh mengangap mereka sebagai bangsa yang maju setelah berjaya menolak dan membanteras rasuah, tegas Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, justeru adalah penting bagi rakyat Malaysia meningkatkan nilai dan standard mereka dalam membanteras jenayah tersebut.

"Jika kita mahu sekali lagi menyertai kelompok negara maju, kembali menjadi Harimau Asia, kita perlu menentang rasuah dengan serius.

"Tiada jalan pintas untuk mencapai kejayaan tersebut," katanya ketika berucap pada majlis Anugerah Kecemerlangan Antirasuah Antarabangsa Sheikh Tamim Hamad Al Thani di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, hari ini.

Anugerah anjuran Rule of Law and Anti-Corruption Cen-

"Jika kita mahu sekali lagi menyertai kelompok negara maju, kembali menjadi Harimau Asia, kita perlu menentang rasuah dengan serius.

DR. MAHATHIR MOHAMAD

ter (ROLACC) Doha, Qatar dengan kerjasama Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (UNODC) itu disampaikan oleh Emir Qatar, Sheikh Tamim Hamad Al Thani.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak berbangga apabila Malaysia suatu ketika dahulu digambarkan sebagai kleptokrasi.

Jelas Dr. Mahathir, usaha

sedang dilakukan untuk menghapuskan gelaran tersebut dan pada masa sama mengingatkan rakyat bahawa mereka tidak boleh bertolak ansur dengan rasuah, sebaliknya melayannya dengan perasaan jijik dan marah.

"Saya fikir sudah sampai masanya untuk Malaysia menyertai senarai negara maju dan biar dunia tahu bahawa kita adalah bangsa yang kuat dan menghormati demokrasi serta undang-undang," katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri menyifatkan pembinaan arca keluli berbentuk tangan sumbangan kerajaan Qatar di sini adalah bukti usaha bersama masyarakat antarabangsa memerangi rasuah.

"Kami berbangga menerima simbol berkenaan akan berusaha untuk hidup dalam nilai-nilai yang diwakilinya. Rasuah adalah benda mengerikan yang boleh merosakkan masyarakat dan negara," katanya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD dan Sheikh Tamim Hamad Al Thani (kiri) merasmikan arca keluli berbentuk tapak tangan sumbangan kerajaan Qatar di Putrajaya, semalam. - UTUSAN/RASHID MAHFOF